



Rujukan: UKM.RKK.100-1/3/1

Tarikh : 6 Mei 2019

**PEKELILING PUSAT PENGURUSAN RISIKO,  
KELESTARIAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (ROSH-UKM) BIL.2/2019**

**DEKAN/ PENGARAH/ KETUA/ PENGETUA  
FAKULTI/ INSTITUT/ PUSAT/ JABATAN/ KOLEJ KEDIAMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof.Ulung/ Prof. /Datuk /Datin /Tuan /Puan,

**PENGLIBATAN ORGANISASI LUAR BAGI LATIHAN KAWAD KEBAKARAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan UKM Bil.1/2019 bertarikh 15 Mac 2019 telah bersetuju berkaitan perkara berikut:

- i. Semua PTj perlu menjalankan latihan kawad kebakaran dengan penglibatan Jabatan Bomba dan Penyelamat dan jabatan lain yang berkaitan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- ii. Latihan kawad kebakaran perlu diteruskan mengikut tarikh yang dipersetujui walaupun tanpa kehadiran Jabatan Bomba dan Penyelamat (sekiranya pasukan bomba tidak dapat hadir kerana perlu menangani kes kecemasan sebenar).

3. Sehubungan itu, diharapkan pihak YBhg. Prof. Ulung/ Datuk/ Datin/ tuan/ puan dapat mengambil maklum dan tindakan selanjutnya ke atas keputusan mesyuarat berkenaan. Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Datuk /Datin/ tuan /puan dalam perkara ini saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.


*"Kurangkan Risiko, Tingkatkan Keselamatan Pekerjaan  
& Lestarkan Persekitaran"*

Yang benar,

**PROF. DR. ZAIDI ISA**


Pengarah

Pusat Pengurusan Risiko, Kelestarian & Kesihatan Pekerjaan



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

s.k - YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor  
Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Pusat Pengurusan Risiko, Kelestarian & Kesihatan Pekerjaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Telefon: +603-8921 3909/4076/4075/4350 Faksimili: +603-8926 9470 E-mel: rosh@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/rosh>